

### RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

### Insurans Kemalangan Diri Super Protector

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberi pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kejadian tidak disengajakan, luar jangkaan dan secara kebetulan kepada orang diinsuranskan.

#### 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi : kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal, 24 jam seluruh dunia, belanja perubatan, tunai harian hospital, liabiliti peribadi, manfaat mingguan dan seperti ditakrifkan di dalam polisi..

Pelan	Kelas Pekerjaan	Jumlah Prinsipal yang Diinsuranskan (RM)	Belanja Perubatan Setiap Kemalangan (RM)	Tunai Harian Hospital (RM)	Liabiliti Peribadi (RM)	Manfaat Mingguan (RM)	Jadual Premium Tahunan Tidak Termasuk Cukai Kerajaan (RM)
<b>BAGI KELAS 1 &amp; 2 PEKERJAAN SAHAJA</b>							
1	1 & 2 sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	-	86
1A	1 & 2 sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	50 setiap minggu	116
2	1 & 2 sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	-	156
2A	1 & 2 sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	75 setiap minggu	196
3	1 & 2 sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	-	206
3A	1 & 2 sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	100 setiap minggu	266
4	1 & 2 sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	-	276
4A	1 & 2 sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	125 setiap minggu	346
5	1 & 2 sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	-	386
5A	1 & 2 sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	150 setiap minggu	466
6	1 & 2 sahaja	500,000	8,500	175 setiap hari	750,000	-	626
6A	1 & 2 sahaja	500,000	8,500	175 setiap hari	750,000	250 setiap minggu	806
7	1 & 2 sahaja	750,000	9,500	175 setiap hari	1,125,000	-	886
7A	1 & 2 sahaja	750,000	9,500	175 setiap hari	1,125,000	375 setiap minggu	1,086
8	1 & 2 sahaja	1,000,000	10,000	225 setiap hari	1,500,000	-	1,176
8A	1 & 2 sahaja	1,000,000	10,000	225 setiap hari	1,500,000	500 setiap minggu	1,426
<b>BAGI KELAS 3 PEKERJAAAN SAHAJA</b>							
9	3 sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	-	143
9A	3 sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	50 setiap minggu	178
10	3 sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	-	243
10A	3 sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	50 setiap minggu	278
11	3 sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	-	353
11A	3 sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	50 setiap minggu	388
12	3 sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	-	483
12A	3 sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	75 setiap minggu	538
13	3 sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	-	733
13A	3 sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	75 setiap minggu	788

#### Kelas Pekerjaan

Kelas 1	Pekerjaan bukan tenaga buruh, yang melibatkan pengurusan atau pekerjaan yang hanya di pejabat sahaja atau di tempat yang tidak berbahaya.
Kelas 2	Pekerjaan yang melibatkan kerja-kerja penyeliaan atau di luar pejabat untuk tujuan perniagaan, tetapi tidak terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan tenaga buruh.
Kelas 3	Pekerjaan yang kadangkala atau biasa menggunakan tenaga buruh untuk kerja-kerja yang tidak berbahaya tetapi terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan peralatan dan mesin (tidak menggunakan mesin pertukangan kayu).
Pekerjaan Yang Dikecualikan	Penyelam, polis, askar/tentera dan penguatkuasa undang-undang, penguji kapal terbang, juruterbang atau anak kapal, pelaut dan nelayan laut, pelumba kenderaan laju, joki, pekerja pelantar minyak, penggergaji dan pekerja kayu balak, ahli bomba, pemberita perang, tukang pembaik menara, pemungkah barang pelabuhan, orang-orang yang terlibat dalam pekerjaan meruntuhkan bangunan, orang-orang yang terlibat di dalam perkhidmatan ambulans, pengguna mesin pertukangan kayu, pekerja bahan letupan, pekerja terowong dan perlombongan dan aktiviti-aktiviti sukan professional.

Nota : Sila rujuk kepada skala manfaat bagi kematian dan hilang upaya di dalam sampel polisi/kontrak polisi. Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun .

**3. Berapa premium yang harus saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung atas kelas pekerjaan berdasarkan jadual manfaat seperti dinyatakan diatas

**4. Selain daripada premium dan Cukai Kerajaan (yang berkenaan), apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?**

Komisen yang dibayar kepada agen insurans Duti Setem	25% daripada Premium Kasar RM10.00
---	---------------------------------------

**5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?**

**Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

**6. Apakah Polisi Tertakluk kepada 'Warranti' tunai sebelum perlindungan**

Ya, terma dan syarat yang terkandung didalam kontrak insurans ini, ialah bayaran premium penuh perlu dijelaskan dan diterima oleh pihak kami sebelum perlindungan bermula.

**7. Umur?**

18 sehingga 65 years tahun. Pembaharuan sehingga 70 tahun.

**8. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian berikut : risiko perang, bunuh diri dan tidak siuman, kecederaan diri sendiri yang disengajakan, HIV/AIDS, melahirkan anak, keguguran dan kehamilan, pembunuhan atau serangan yang diprovokasi, penerbangan selain sebagai penumpang yang membayar tambang, sebarang jenayah atau aktiviti menyalahi undang-undang, sukan berbahaya, perlumbaan (selain daripada jalan kaki), mengkadar kelajuan, ujian kelajuan atau ujian kebolehpercayaan, risiko nuklear. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada sampel polisi/polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian dibawah polisi ini.

**9. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad. Selepas pembatalan, The Pacific Insurance Berhad akan menahan premium jangka pendek lazim bagi tempoh polisi yang telah berkuat kuasa.

**10. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?**

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

**11. Bagaimana saya membuat tuntutan?**

Selepas berlaku sebarang kemalangan yang mungkin akan menimbulkan tuntutan untuk kecederaan anggota badan dibawah polisi ini, notis bertulis hendaklah diberi kepada The Pacific Insurance Berhad atau agen insurans dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kejadian kemalangan tersebut..

**12. Apakah jenis perlindungan Insurans kemalangan Diri Lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad Berhad?**

Jenis perlindungan insurans kemalangan diri lain yang ada termasuk tetapi tidak terhad kepada :

- Autoguard
- Kemalangan Diri Keluarga

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemalangan Diri</li> <li>• Kemalangan Diri Bonus</li> <li>• Kemalangan Diri Pemandu &amp; Penumpang</li> <li>• Kemalangan Diri Pemandu &amp; Penumpang Bonus</li> <li>• Insurans Perjalanan Travelguard</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemalangan Diri Pelajar</li> <li>• Kemalangan Diri Serata Dunia dengan Bonus</li> <li>• Kemalangan Diri Warga Tua</li> <li>• Kemalangan Diri Supreme</li> <li>• Kemalangan Diri Care</li> </ul>
---	--

### 13. Dimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insurans tentang "Insurans Kemalangan Diri" yang terdapat di semua cawangan The Pacific Insurance Berhad atau lawati: [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi:-

The Pacific Insurance Berhad,  
 40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2,  
 KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
 Tel: 03-26338999 Fax: 03-26338998 Talian bebas tol: 1800 88 1629  
 Email: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my) Lamanweb: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)

### 14. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....  
 Tandatangan

### NOTA PENTING :

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK NOMINI DAN PASTIKAN NOMINI ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN AGEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.